

100 rumah, premis dinaiki air di Jerantut, 98 mangsa dipindahkan di Raub

Pahang mula dilanda banjir

Oleh HARIS FADILAH AHMAD

JERANTUT – Kira-kira 100 buah rumah dan premis di kawasan bandar Jerantut di sini dinaiki air sedalam satu meter akibat banjir kilat selepas hujan lebat selama empat jam malam kelmarin.

Hujan lebat mulai pukul 7.45 malam itu menyebabkan kediaman di kawasan Perumahan Awam Kos Rendah Mat Kilau, Kam-

pung Mat Kilau 2, Taman Wira, Sungai Jan, Batu Satu dan hadapan Masjid Jamek Tengku Ahmad ditenggelami air.

Selain itu, Jalan Jerantut menuju ke Benta berdekatan Kampung Sungai Par turut ditenggelami air sedalam satu meter apabila air Sungai Par melimpah dan jalan kampung dari Simpang Tebing Tinggi ke Kampung Jeransong juga terputus hubungan.

Kejadian tersebut juga menyebabkan kira-kira 30 jemaah Masjid Jamek Tengku Ahmad yang selesai menunaikan solat Isyak terperangkap di dalam masjid apabila terpaksa menunggu hampir tiga jam untuk keluar sebelum air surut.

Dalam kejadian banjir kilat tersebut, tiada mangsa yang dipindahkan ke pusat pemindahan sementara kerana air mulai surut pada pukul 1.30

pagi semalam.

Seorang penduduk, Ramli Abdullah, 56, berkata, sistem perparitan yang tidak sempurna, misalnya di hadapan Masjid Jamek Tengku Ahmad menyebabkan banjir kilat kerap berlaku.

"Kejadian malam tadi (kelmarin) amat teruk kerana kawasan perumahan yang tidak pernah dinaiki air sebelum ini sudah mengalami masalah sama," katanya

di sini semalam.

Sementara itu, di Raub, seramai 98 orang membatikan 28 buah keluarga daripada tiga kampung di daerah ini terpaksa dipindahkan ke pusat pemindahan selepas kediaman mereka dilanda banjir kilat lewat petang semalam.

Ketua Polis Daerah Raub, Superintendan Wan Mohd. Zahari Wan Busu memberitahu, penduduk dari Kampung Gali Tengah, Temau dan

Kampung Tok Machang kini ditempatkan di pusat pemindahan sementara berdekatan.

"Kejadian berlaku berikutan peningkatan paras air di Sungai Ruan akibat hujan lebat malam tadi (kelmarin)," kata beliau.

Menurut Wan Mohd. Zahari, kesemua mangsa banjir akan dibenarkan pulang ke kediaman masing-masing selepas keadaan banjir kembali pulih.



PEKARANGAN Masjid Jamek Tengku Ahmad dinaiki air selepas hujan lebat selama empat jam di Jerantut malam kelmarin.



SALAH sebuah rumah yang dinaiki air dalam kejadian banjir kilat di Taman Wira, Jerantut malam kelmarin.



ANGGOTA penyelamat membawa seorang mangsa banjir untuk dipindahkan ke pusat pemindahan di Kampung Gali Tengah, Raub semalam.